

**KERJASAMA MoU ANTARA  
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)  
DAN  
UiTM CAWANGAN PERAK, KAMPUS SERI ISKANDAR (UiTM)**

**1.0 PELAKSANAAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING*) DI ANTARA INSTUN (MEWAKILI KERAJAAN MALAYSIA) DENGAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

**1.1 Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar**

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dengan INSTUN telah diadakan pada jam 10.30 pagi, 5 September 2016 (Isnin), bertempat di Bilik Mesyuarat Ibnu Firnas, Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU), Kampus Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.

Majlis ini dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Kecil MoU FSPU, UiTM Cawangan Perak. Majlis bersejarah yang ringkas tetapi penuh bermakna tersebut disempurnakan oleh YBrs. Prof. Ir. Dr. Haji Abdul Rahman bin Omar (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Teknologi MARA) dan Mantan Pengarah, YBrs. Tuan Mohd 'Ashraf bin Mohd Noor serta disaksikan oleh Rektor UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar iaitu YBrs. Prof. Madya Sr. Dr. Md Yusof bin Hamid serta Penolong Pendaftar INSTUN iaitu Cik Siti Maisarah binti Azha.

**1.2 Bidang Kerjasama**

Perjanjian MoU ini akan menyaksikan pelbagai bentuk kerjasama dalam bidang – bidang seperti berikut:-

- a) Lawatan akademik ke INSTUN
- b) Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
- c) Kursus di INSTUN
- d) *Professional Talk* di UiTM Cawangan Perak oleh Penceramah INSTUN
- e) Bidang Penyelidikan
- f) Penerbitan
- g) Persidangan

**1.3 Senarai Kerjasama Terkini MoU UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar (UiTM) – INSTUN**

Berikut merupakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama berkaitan MoU di antara UiTM – INSTUN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2017 sehingga 2018:-

BIL.	PERKARA	PELAKSANAAN
1.	<p><b><u>Penyertaan UiTM dalam “Seminar Sehari Pengambilan Tanah” bagi Tahun 2017 anjuran INSTUN</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seramai 28 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (AP225), UiTM Cawangan Perak, Seri Iskandar dan seorang pensyarah telah hadir ke seminar berkenaan di Hotel Bangi – Putrajaya, Selangor.</li> </ul>	13 April 2017
2.	<p><b><u>Jalinan kerjasama penganjuran program iaitu Seminar Pembangunan Hartanah 2017 bertajuk “Aplikasi Kajian Kemungkinan &amp; Penilaian Pembangunan Hartanah (Kepentingan Cabaran dan Masa Depan)”</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelaksanaan program Seminar Pembangunan Hartanah di Dewan Banquet B Perak Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.</li> <li>- INSTUN sebagai urus setia bersama bagi menjayakan program berkenaan yang mana merupakan sebahagian aktiviti dalam <i>Perak Festival of Ideas Event</i> bersempena <i>Pangkor Dialogue 2017</i>.</li> <li>- Menyediakan <i>banner</i> (1 unit), bunting (2 unit), buku atur cara program (20 helai naskhah) dan sijil.</li> <li>- Promosi penyertaan kakitangan Pejabat Ukur dan Pemetaan serta Pejabat Tanah dan Galian.</li> </ul>	12 September 2017
3.	<p><b><u>Jemputan UiTM Perak kepada tenaga pengajar INSTUN sebagai penceramah jemputan dalam penganjuran “Professional Talk on Land Law”</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU), UiTM Perak telah menjemput Ketua Bahagian Pengurusan &amp; Pembangunan Tanah (BPPT) INSTUN iaitu En. Mohd Nazri bin Mulup sebagai pembentang/penceramah program berkenaan yang bertempat di UiTM Kampus Seri Iskandar. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai asas pembangunan tanah serta isu dan cabaran semasa dari segi pembangunan tanah di negara ini.</li> </ul>	17 November 2017

4.	<p><b><u>Pelupusan Peralatan Ukur INSTUN sebagai tujuan Pengajaran &amp; Pembelajaran kepada pihak UiTM</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak UiTM Perak ingin memohon peralatan Ukur dari INSTUN yang hendak dilupuskan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di UiTM serta pendedahan kepada pelajar FSPU akan manfaat peralatan yang diguna pakai dalam amalan ukur tanah. Antara peralatan tersebut adalah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Total Station</i></li> <li>ii. Alat Aras dan aksesori</li> <li>iii. <i>Kompas Prismatic</i></li> </ul> </li> </ul> <p><b><u>Status:-</u></b></p> <p>Kelulusan permohonan aset pelupusan peralatan ukur milik INSTUN oleh UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah dipersetujui oleh Perbendaharaan Malaysia pada 24 Oktober 2017. Dengan itu, <b>seunit (1) alat ukur iaitu Leica NA 3003 No. Casis 310179</b> daripada INSTUN akan diserahkan kepada pihak UiTM sebagai fungsi pengajaran dan pembelajaran para pensyarah dan mahasiswa/wi bagi Program Sains Ukur &amp; Geomatik di UiTM. Berurusan dengan Noruljuliana Junit (Pensyarah UiTM) dan En. Sarafudin sebagai <i>contact person</i> (Penolong Juruukur Bahan) yang menjaga peralatan stor UiTM mengenai urusan logistik serta tarikh dan masa pengambilan.</p> <p>Pada 8 Januari 2018, Ketua Fakulti FSPU, UiTM Perak (Prof. Madya Dr. Siti Norlizaiha Harun) telah mengeluarkan Surat Pembatalan Ukur Tanah (Pelupusan) mengenai pembatalan secara baik sumbangan alat <i>Digital Level</i> (hasil pelupusan) iaitu alat Leica NA3003 No. Casis 310179 daripada pihak INSTUN.</p> <p>Ini adalah disebabkan alat <i>digital level</i> tersebut tiada di dalam <i>silibus</i> Ukur Tanah bagi tujuan kod-kod <i>servicing</i> di FSPU. Walau bagaimanapun, pihak UiTM Perak amat berbesar hati sekiranya INSTUN boleh memberikan sumbangan peralatan ukur lain yang amat diperlukan oleh pihak UiTM Perak iaitu alat <i>Total Station</i> sekiranya ada.</p>	
5.	<p><b><u>Hebahan Tawaran Sewa Kemudahan Fasiliti di UiTM Cawangan Perak</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak UiTM ada menyediakan kemudahan sewaan fasiliti untuk kegunaan Jabatan/Agensi lain di tiga (3) kampus di bawah pentadbiran UiTM Cawangan Perak iaitu Kampus Seri Iskandar, Kampus Tapah dan Kampus Bandaraya Ipoh yang mana boleh disesuaikan dengan penganjuran program dan kapasiti peserta yang besar. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Tuan Haji Muhammad Hisham Abdul Malek di talian 05-3742080 (edaran e-mel oleh PRO INSTUN).</li> </ul>	16 Januari 2018

6.	<p><b><u>Hebahan Jemputan daripada UiTM untuk menjadi rakan strategik bagi penganjuran <i>International Creative Design Competition (ICDC) 2018</i> dengan bertemakan "<i>Design Technological Innovation Towards Industrial Revolution 4.0</i>."</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak UiTM mempelawa pihak INSTUN untuk menjadi rakan strategik bagi penganjuran program tersebut pada 29 – 30 Oktober 2018 bertempat di Dewan Seri Iskandar, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar dengan menyumbang tajaan sama ada dalam bentuk kewangan, barangan ataupun tenaga kepakaran (edaran e-mel oleh PRO INSTUN).</li> </ul>	23 Mei 2018
7.	<p><b><u>Hebahan Jemputan Menyertai "Seminar Sehari Pengambilan Tanah" bagi Tahun 2018 anjuran INSTUN</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dipanjangkan jemputan kepada pihak UiTM bagi menyertai Seminar "<i>Teach-in</i> Sehari Pengambilan Tanah (Pindaan 2016)" anjuran Kelab INSTUN yang berlangsung pada 30 Julai 2018 (Isnin) di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor.</li> </ul>	25 Julai 2018